

PENGENALAN EKSA

1 DASAR

Perpustakaan Tun Abdul Razak komited bagi melaksanakan Ekosistem Kondusif Sektor Awam dengan mengutamakan persekitaran kerja yang kondusif, mengamalkan amalan hijau dan menyemarakkan kreativiti dan inovasi di dalam kalangan warga kerja.

2 POLISI

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif yang berimej korporat, kreatif dan berinovasi dengan melaksanakan amalan EKSA menerusi penglibatan warga PTAR secara menyeluruh

3 OBJEKTIF

- Meningkatkan tahap kualiti dan produktiviti perkhidmatan melalui amalan persekitaran tempat kerja yang kondusif (kemas, bersih, selesa dan selamat).
- Memastikan warga PTAR mengamalkan disiplin kerja dan menerapkan semangat kerjasama berpasukan pada tahap yang tinggi di tempat kerja.
- Memastikan kecekapan dan keberkesanan operasi di tempat kerja serta memupuk hubungan harmoni dalam persekitaran organisasi berprestasi tinggi.
- Menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan warga PTAR selaras dengan tuntutan pihak berkepentingan.
- Membudayakan amalan hijau melalui pelaksanaan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau yang dapat mengurangkan pembaziran sumber, ruang, masa, kos dan tenaga.
- Meningkatkan imej korporat PTAR dalam memenuhi ekspektasi dan menggembirakan pelanggan (delighting customers) PTAR (dalaman dan luaran).

4 VISI

Menjadikan Perpustakaan Tun Abdul Razak sebuah perpustakaan akademik yang menyediakan ekosistem persekitaran kondusif kepada warga Universiti

5 MISI

Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk meningkatkan kualiti, produktiviti dan inovasi.

